

Kalau benar sangkaan ini maka sesungguhnya ini sangat mendukacitakan dan seseorang seperti ini, kalau benar sifatnya begitu, haruslah diselidiki keadaannya sebab takut kelak ia akan jadi pagar makan padi.

\* \* \*

### Undang-undang Kahwin Lebih Dari Satu

Baharu-baharu ini seorang lelaki dikatakan telah dihukum oleh mahkamah yang keenam, kerana ia telah berkahwin dengan seorang perempuan lain, pada hal ia telah ada mempunyai seorang isteri. Ia dikatakan menyatakan kepada kadi bahawa ia tidak ada mempunyai isteri sehingga dengan kerana itu kadi pun telah mengkahwinkannya<sup>3</sup>. Kemudiannya didapati bahawa ia ada mempunyai seorang isteri. Dengan kerana itu ia telah diadukan dengan memberikan kenyataan bohong.

Menurut peraturan negeri, hal perbuatan yang seperti ini, sememangnya bersalah. Tetapi ada suatu perkara yang menjadi pertanyaan. Mengapa maka orang ini tergamak berkata bohong dan menyatakan bahawa ia tidak ada mempunyai isteri?

Undang-undang yang mengenai orang-orang Islam Singapura hanya ada menyatakan bahawa seseorang yang ada mempunyai isteri hanya boleh dikahwinkan oleh *Chief Kadi*, setelah ia berpuas hati bahawa ia tidak melanggar hukum syarak Islam.

Perkara ini telah pun pernah dibahas di dalam ruangan ini di dalam dua tiga keluaran yang lalu. Di dalam amalan yang berjalan, barangkali telah dijadikan peraturan bahawa seorang yang ada mempunyai isteri tidak boleh berkahwin

lagi dikecualikan menyempurnakan syarat-syarat XXX<sup>4</sup> kemampuan dan seumpamanya. Ini semuanya tidak menjadi halangan bagi syarak dan tidak XXX<sup>5</sup> *māni* ' yang boleh menyekat seseorang untuk beristeri lagi.

Perbuatan-perbuatan yang dilakukan untuk memperundangkan menahan atau menghalang-halang kahwin lebih daripada satu dan dengan sendirinya menjadikan orang-orang Islam berani melanggar peraturan-peraturan negeri, sebab ia akan menghadapi tiga perkara:

Pertama: Melakukan zina.

Kedua: Takut berbuat begitu kahwin hanya mengikut syarak.

Ketiga: Berbohong untuk menyempurnakan kebaikannya.

Kalau mereka dihalangi, maka terjadi perzinaan dengan sebab adanya peraturan-peraturan negeri, pada hal ia tahu syarak meluluskannya, maka selain daripada mereka melanggar hukum sosial dan hukum Tuhan, tentunya mereka berdosa, dan kita yakin orang-orang yang membuat peraturan ini akan dengan sendirinya bertanggungjawab kepada perbuatan-perbuatannya itu.

Berkahwin dengan tidak berdaftar – akan menimbulkan perkara-perkara yang melanggar peraturan negeri yang kemudiannya akan membabit pula perihal pusaka dan lain-lainnya.

Berbuat bohong – ertinya melanggar hukuman negeri dan mereka boleh dihukum, sekalipun syarak tidak membenarkan ia dihukum sebab perkara perkahwinan itu adalah suatu perkara kebaikan dan tiap-tiap perkara kebaikan itu syarak tidak meluluskan menghukumnya.

Berdasarkan kepada ini hendaklah ahli-ahli mesyuarat

<sup>3</sup> Perkataan sebenar ialah mengkahwinkannya

<sup>4</sup> teks asal tidak jelas

<sup>5</sup> teks asal tidak jelas

undangan, menuntut penjelasan yang muktamad di dalam persoalan ini iaitu adakah hukuman-hukuman Islam yang dijalankan di negeri ini didasarkan kepada peraturan yang mengikut undang-undang yang diperundangan atau sesuatu peraturan yang mengenai orang-orang Islam dibuat hanya semata-mata dijalankan mengikut kemahuan sahaja.

Untuk mengetahui adakah sebenarnya perceraian berlaku - banyak terbit daripada banyak isteri atau daripada bermadu? Ini mustahak ahli-ahli mesyuarat itu, untuk kepentingan umat Islam meminta kerajaan menjelaskan:

1. Berapa banyak perceraian yang berlaku semenjak tahun 1955:

- a) Bercerai kerana bermadu
- b) Kerana bergaduh
- c) Kerana tidak cukup nafkah.

Mudah-mudahan perkara ini diperhatikan dengan saksama supaya umat Islam tenang dan tidak terasa bahawa kebiasaan peraturan beragama umat Islam tidak terasa dikacau dan diganggu.

\* \* \*

### **Kewajipan Umat Islam**

Telah teradat di dalam masyarakat kita umat Islam sekarang, apabila terbit sesuatu perkara mengenai perkembangan Islam maka ia lalu menempelak atau menumpukan kesalahan itu kepada seseorang atau sesuatu golongan atau pertubuhan. Demikian juga apabila usaha-usahanya di dalam seruan (dakwah) tidak berkesan dan tidak maju maka tempelak-tempelak timbul dari sesuatu golongan sehingga timbullah suatu kesan seolah-olah

agama Islam itu dikawal hanya oleh orang-orang yang tertentu sahaja – tidak tanggungjawab semua pengikut-pengikutnya.

Islam menuntut bahawa pengikut-pengikutnya adalah menjadi mubaligh untuk mengembangkan agamanya. Kalau ia tahu sepeleah maka diwajibkannya menyampaikan yang sepeleah itu kepada orang yang tidak mengetahui.

Berdasarkan kepada tujuan inilah kita melihat bahawa banyak mubaligh-mubaligh Islam itu yang bekerja semata-mata kepada Allah Ta'ālā. Mereka tidak memandang kepada pendapat atau pemberian sugu hati yang diberikan kepadanya. Mereka mengorbankan masa dan tenaga semata-mata membuat kerja sebagai menunaikan suatu kewajipan dan tanggungan terutamanya di dalam keadaan perkembangan Islam di tanah air kita ini di dalam mana boleh dikata tidak ada satu badan yang mampu untuk membelanjai mubaligh-mubaligh seperti yang dibuat di zaman Nabi – dengan menentukan sara-sara hidup yang mencukupi bagi mereka.

Sepatutnya kita bersyukur akan adanya minat sebahagian umat Islam di dalam hal yang seperti ini terutamanya pula kalau kita melihat ketulusan sebahagian besar daripada mereka menjalankan tugas menjadi mubaligh itu. Banyak di antara mereka tidak mengharapkan suatu sama ada nama atau pangkat atau pun gelaran apalagi mencari keuntungan di dalamnya.

Maka dengan kerana itu tidaklah wajar kalau seorang hanya pandai mengkritik tetapi tidak mau beramal di dalam usaha menegakkan kewajipannya untuk menyampaikan seruan agama. Daripada mengkritik lebih baik mencari jalan untuk berusaha mencari beberapa kawan-kawan yang mau bekerja bersama-sama di dalam usaha mengembangkan agama itu.